


Headline	Peluang raih gelaran treble		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	47
ArticleSize	430 cm <sup>2</sup>	Journalist	Saiful Affendy
PR Value	RM 50,622		



PEMAIN Tenaga Nasional Berhad (TNB) Muhammad Firhan Ashaari (kanan) cuba mengawal bola dari pemain UITM HA-KPT pada perlawanan separuh akhir pertama Kejohanan Hoki Piala TNB di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.

Oleh Saiful Affendy  
Sapran  
saiful@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**T**enaga Nasional Berhad (TNB) tidak mahu mensia-siakan peluang untuk mara ke pentas final Piala TNB sekali gus memenuhi impian meraih gelaran treble pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Kelmarin, skuad bimbingan Nor Saiful Zaini Nasiruddin meraih kemenangan 3-1 ke atas UITM HA-KPT pada aksi separuh akhir pertama untuk membolehkan mereka mempunyai kelebihan menjelang aksi timbal balik hari ini.

TNB sebelum ini sudah menjulang dua trofi, iaitu Piala Sumbangsih dengan menewaskan Terengganu Hockey Team (THT) awal bulan lalu dan kemudian mengesahkan kejuaraan liga sekali gus menamatkan kemarau 21 tahun.

# Peluang raih gelaran *treble*

*Skuad hoki TNB tak rela sia-sia peluang mara ke pentas final Piala TNB tewaskan UITM HA-KPT*

Kejayaan terbaru itu adalah gelaran MHL keenam buat TNB, selepas memenangi liga pada 1990, 1991-92 (bertanding sebagai Kelab Kilat), 2000-2001, 2002 dan 2003.

Dengan peluang terhidang untuk meraih gelaran treble, Nor Saiful jelas tidak mahu barisan pemainnya mensia-siakan peluang itu sekali gus menuntut aksi lebih mantap di separuh akhir kedua.

"Untuk aksi timbal balik, TNB akan bermain dengan lebih baik dan tidak akan bersandarkan kepada jaringan 3-1 yang terhasil hari

ini (kelmarin).

"Kami sebaliknya akan berusaha untuk mencari peluang yang lebih baik dan menjaringkan gol. Kami akan bermain mengikut kekuatan pasukan dan saya berharap pemain akan menggandakan lagi usaha mereka pada separuh akhir kedua agar kami dapat melangkah ke pentas akhir," katanya.

Pada aksi kelmarin, pemain kebangsaan, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal meledak dua gol manakala sensasi Korea Selatan, Jang Jong Hyun menyumbang satu gol un-

tuk TNB.

Satu lagi aksi separuh akhir kedua akan menyaksikan pertembungan antara juara bertahan, THT dengan Maybank namun THT mempunyai kelebihan selepas meraih kemenangan 3-0 pada aksi pertama, kelmarin.

Gol pembukaan THT dijaringkan oleh kapten, Mohd Fitri Saari menerusi penalti stroke diikuti dua gol padang masing-masing disumbangkan oleh Muhammad Noor Firdaus Rosdi dan Mohamad Akhimullah Anuar Esook.

<b>TNB MHL</b>	<b>PIALA TNB</b>
<b>SEPARUH AKHIR KEDUA</b>	
<b>HARI INI</b>	
Maybank (0)	<b>mln</b> (3) THT
	6 ptg
UITM (1)	<b>mln</b> (3) TNB
HA-KPT	8 mlm
(Semua perlawanan di Std Hoki Nasional Bukit Jalil)	